

BAB TIGA

KUALITI PROGRAM DI IPTS MALAYSIA: ISU-ISU BERKAITAN

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan dan perkembangan yang mendadak menjelang tahun 1990an, terutamanya selepas penggubalan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (pindaan). Sebelum tahun 1996, undang-undang pendidikan di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Akta Pelajaran 1961. Akta ini menegaskan bahawa matlamat utama dasar pendidikan masa itu ialah untuk menujuhkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh memenuhi keperluan negara dan menggalakkan pembangunan ekonomi. Prinsip umum ini digunakan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang cekap. Selaras dengan keperluan strategi pendidikan kebangsaan tuntutan Akta 1961, Akta Pelajaran (pindaan) 1963, dan Perintah Akta Pelajaran (ke Sabah) 1976 dikaji semula dan akhirnya dimansuhkan. Ia telah digantikan oleh Akta Pendidikan 1996.

Perlaksanaan Akta 1996 adalah selaras dengan aspirasi negara untuk menghasilkan satu sistem pendidikan yang seragam berteraskan prinsip pendemokrasian serta berlandaskan falsafah pendidikan negara.

Tujuan utama penggubalan Akta Pendidikan 1996 adalah untuk menentukan tahap pendidikan berkualiti bertaraf dunia dan seterusnya dapat memenuhi keperluan dan menghadapi cabaran pendidikan pada alaf baru. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif membuat beberapa perubahan berterusan dalam pendidikan termasuk menentukan perundangan baru berkenaan pendidikan yang telah dilakarkan pada 1996 dan 1997.

Berkaitan dengan pindaan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996, bab ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut:

- i) Apakah isu-isu yang berbangkit serta maklumbalas Institut Pengajian Tinggi Swasta terhadap pindaan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996?
- ii) Sejauhmanakah Institut Pengajian Tinggi Swasta memberi maklumbalas terhadap pindaan Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 bagi memastikan pendidikan tinggi berkualiti bertaraf dunia?

Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Akta ini merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan pendaftaran, pengurusan dan pengawalseliaan dan kawalan kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini juga merangkumi aspek penubuhan dan menaiki taraf universiti-universiti swasta, kolej universiti dan kampus cawangan universiti asing. Akta ini

membolehkan liberalisasi pendidikan tinggi di negara ini bagi memenuhi permintaan yang bertambah di peringkat pendidikan tertiar dan juga pendidikan tinggi yang membentuk tenaga kerja mahir.

Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996

Ini merupakan suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya dan kuasa-kuasanya serta maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Badan yang ditubuhkan di bawah akta ini berfungsi untuk merumus dasar, mengawasi, mengkaji semula dan menyelia taraf dan kualiti pendidikan tinggi swasta (Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996).

Kajian dalam bab ini merangkumi tempoh masa selepas penggubalan Akta 1996. Lima buah Institut Pengajian Tinggi Swasta(IPTS) dan sebuah Kampus Cawangan Luar Negara yang terletak di Lembah Kelang dipilih bagi sampel kajian ini. IPTS yang menjadi anggota National Association of Private Educational Institutions(NAPEI) dan Malaysian Association for Private Colleges and Universities (MAPCU) sahaja diambilkira. Di samping itu, dalam mengkaji maklumbalas IPTS kaedah tembual tidak formal (dengan pentadbir, pensyarah dan pelajar), buku panduan kursus, petikan-petikan akhbar, kertas-kertas persidangan, dokumen-dokumen rasmi dan laporan-laporan audit kualiti dimanfaatkan. Ini membolehkan maklumat yang dikumpulkan dapat dipastikan kesahihannya.

Perkembangan Institut Pendidikan Swasta tahun 1950an hingga 1970an

Dari segi kursus-kursus yang ditawarkan dalam jangkamasa ini adalah termasuk kursus asas seperti:

- i. Cambridge Overseas School Learning Certificate Examination(UK);
- ii. Cambridge Higher School Learning Certificate Examination(UK);
- iii. Kursus pra universiti; dan
- iv. Peperiksaan A-Levels yang dikendalikan oleh Association of Business Executives (ABE) dan juga London Board(UK).

Jangkamasa ini juga turut memperlihatkan mulanya penawaran kursus di peringkat diploma dan diploma Lanjutan (Higher Diploma). Ini termasuk diploma yang dianjurkan oleh Pitman Examination (UK), London Chamber of Commerce and Industry (UK) dan City and Guild (UK).

Era 1960an juga menyaksikan permulaan penawaran kursus peringkat ijazah dan profesional. IPTS mula mengadakan hubungan dengan badan ikhtisas luar negara terutamanya di United Kingdom bagi memenuhi kehendak domestik yang tidak dapat dipenuhi oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Era ini juga memperlihatkan perubahan dari bahasa pengantar Inggeris ke bahasa Melayu bagi pendidikan menengah di Malaysia. Bagi mereka yang inginkan perbezaan dan juga bagi mereka yang tidak berpeluang menjelaskan kaki di IPTA, kursus profesional ini menjadi penawar utama. Antara kursus peringkat ijazah sarjana muda dan professional yang ditawarkan oleh badan ikhtisas luar negara termasuklah London LLB External Degree(UK), London B.Sc. External (UK) dan Engineering Council (UK).

Jangkamasa 1970an pula menyaksikan perkembangan kursus-kursus profesional yang berorientasikan perniagaan, pengurusan dan perakaunan mula ditawarkan selaras dengan permintaan terhadapnya yang makin meningkat. Kursus-kursus professional ini yang dianggap setaraf dengan ijazah, termasuklah Chartered Association of Certified Accountant (ACCA), Chartered Institute of Management Accountant (CIMA) dan ICSA (UK).

Perkembangan Pendidikan Swasta, 1980an dan 1990an

Jangkamasa ini pula menyaksikan IPTS mula menjalin kerjasama lebih aktif dengan universiti luar dan badan-badan ikhtisas (Overseas Awarding Bodies). Penawaran kursus ijazah secara berkembar (twinning) dan “advanced standing programme” mula dibangun dan diperkembangkan oleh IPTS, dengan adanya akta pendidikan yang menghadkan kuasa penganugerahan ijazah kepada IPTA. Kaedah-kaedah penawaran ijazah oleh IPTS ini akan diperincikan dalam bab seterusnya. Pindaan Akta Pendidikan 1996 pula membawa kepada franchise program berkembar 3+0 di IPTS dan penubuhan Kampus Cawangan Luar Negara. Ini bukan sahaja memberi implikasi dari segi kos pengajian tetapi juga dari segi bilangan pelajar dalam negara dan luar negara yang kian meningkat.

Apakah maklumbalas Institut Pengajian Tinggi Swasta terhadap Lembaga Akreditasi Negara dalam memastikan kualiti program Ijazah yang ditawarkan?

Pembentukan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) serta perlaksanaan tugasannya telah menimbulkan beberapa isu penting. Isu-isu tersebut merangkumi aspek dasar, kurikulum hingga yuran. Pelbagai reaksi ditunjukkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan (stake holders) termasuklah penggubal dasar, pentadbir IPTS, pensyarah dan pelajar. Bahagian ini akan menganalisa, apakah maklumbalas oleh IPTS terhadap Akta Pendidikan Tinggi Swasta secara umumnya dan Akta Lembaga Akreditasi Negara secara khususnya. Apakah tindakkan LAN menjadi pendorong atau setakat ‘regulator’ bagi IPTS yang sebelumnya tidak dikawal kualitinya oleh mana-mana badan.

Isu 1: Pengenalan matapelajaran wajib: Pengajian Malaysia, Bahasa Kebangsaan, Pengetahuan Moral dan Pengajian Islam.

LAN telah mewajibkan pengajaran matapelajaran Pengajian Malaysia, Bahasa Kebangsaan (A dan B), Pengetahuan Moral dan Pengajian Islam di semua IPTS (*New Straits Times*, 10 Januari 1996). Pengajaran matapelajaran Pengajian Malaysia diwajibkan bagi semua pelajar di IPTS yang mengikuti kursus peringkat diploma dan ijazah.

Syarat-syarat pengendalian matapelajaran wajib di IPTS adalah seperti berikut:

- i. mata pelajaran Pengajian Islam, Pendidikan Moral dan Pengajian Malaysia adalah mata pelajaran wajib di bawah Seksyen 43 Akta LAN. Ia hendaklah dimasukkan ke dalam semua pakej kursus pengajian;
- ii. pelajar Malaysia hendaklah lulus pada tahap yang ditentukan oleh pihak LAN dalam mata pelajaran tersebut sebagai pra-syarat penganugerahan

sijil, diploma dan ijazah oleh Institut Pengajian Tinggi Swasta (Seksyen 43(3)). Peraturan ini terpakai untuk semua pelajar tidak kira samaada yang mengikuti kursus dalaman atau kursus pengajian luaran dengan kaedah program berkembar, ‘advanced standing programme’, professional dan lain-lain;

- iii. bagi pelajar asing pula, mata pelajaran wajib perlu diikuti sebagai kursus audit sahaja; dan
- iv. mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (A) dan (B) hendaklah diikuti oleh pelajar warganegara Malaysia yang tidak mempunyai asas bahasa Kebangsaan kerana mereka tidak mengikuti sistem pendidikan kebangsaan. Pelajar-pelajar ini dibenarkan mengambil mata pelajaran bahasa Kebangsaan (B) terlebih dahulu tetapi tidak dikecualikan daripada mengambil mata pelajaran Bahasa Kebangsaan (A).

Pengajian Islam diperkenalkan bagi pelajar Islam, tidak kira dari dalam negara mahupun luar negara. Pengetahuan Moral pula diwajibkan bagi semua pelajar bukan Islam.

Pada pendapat pentadbir kolej A dan B, pelajar ke IPTS untuk memperolehi ijazah dan diploma dalam bidang-bidang yang ingin mereka ceburi. Maka pelajar-pelajar tersebut seharusnya memanfaatkan masa pengajian bagi mendalami bidang yang mereka ceburi. Berkait dengan ini mereka turut mempersoalkan apakah rasionalnya LAN mewajibkan pengajaran Pengajian Malaysia, Bahasa Kebangsaan, Pengajian Islam dan Pengetahuan Moral di IPTS. (Temubual: Pentadbir APIIT dan Taylor’s College: 4 Mac 2003). Pada umumnya matapelajaran wajib jika dilihat dari segi kandungan sukatannya tidak mempunyai perkaitan dengan sebahagian besar kursus yang ditawarkan di IPTS (Shamsul, 2002).

Lima kumpulan pelajar yang ditemubual dari kolej Metropolitan, Stamford College, Asia Pasific Institute of Information Technology (APIIT), Inti College, Taylors College dan Kolej Sedaya. Sebahagian besar mereka yang ditemuramah mempersoalkan rasionalnya matapelajaran wajib ini diperkenalkan. Mereka ke IPTS untuk menceburi bidang-bidang yang mereka impikan dan mendalami pengetahuan dalamnya. Falsafah kualiti “value for money”, menegaskan pelanggan harus kepuasan maksimum dengan perbelanjaan dibuatnya ke atas suatu barang (Harvey & Green, 1993). Pelajar-pelajar IPTS memperuntukkan 9 jam kredit bagi matapelajaran wajib. Daripada jumlah pelajar yang ditemuramah tiga adalah dari Pakistan dan Saudi Arabia. Lima orang lagi pula dari Singapura, Indonesia, Brunei, Korea dan India.

Komen yang sering dikemukakan oleh pelajar Islam dari timur tengah dan Pakistan ialah:

“kami telahpun mendalami aspek-aspek Pengajian Islam di negara kami. Malahan kami telahpun mendalami berkenaan pengajian Islam bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah...apa yang kita pelajari di sini hanyalah asas dan ulangan pengajian Islam yang dipelajari di negara kami...Pelajar akan peroleh lebih manfaat jika ia diganti dengan matapelajaran yang berkaitan dan relevan dengan kursus ijazah kami.” (Temubual: Pelajar di APIIT; Stamford College; Inti College: 9-11 Jun 2003).

Di samping itu, terdapat juga pelajar asing terutamanya dari negara Indonesia dan Brunei, mempersoalkan rasionalnya mereka mempelajari matapelajaran Bahasa Kebangsaan (B). Ini kerana sistem pendidikan di negara mereka juga menggunakan Bahasa Melayu yang sukatannya hampir sama dengan Malaysia. Didapati pelajar-pelajar

ini lebih layak menduduki Bahasa Kebangsaan (A) memandangkan latarbelakang pendidikan mereka.ⁱ

Pelajar dari negara China yang ditemubual pula melihat kelebihan matapelajaran wajib.

“Matapelajaran seperti Pengajian Malaysia membantu kami mengenali Malaysia dengan lebih dekat....dapat memahami budaya masyarakat Malaysia.....matapelajaran bahasa Kebangsaan pula membolehkan kami membaca papan-papan tanda dan membantu kami berkomunikasi di tempat-tempat awam terutamanya di lapangan terbang dan jabatan imigresen....”

Ada beberapa tujuan pelajar negara China memilih Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi, jelas seorang pensyarah dan juga pentadbir di Kolej A yang mengendalikan urusan pelajar dari negara China. Lazimnya, pelajar dari negara China selain melanjutkan pelajaran di IPTS Malaysia, mereka juga turut mencari peluang perniagaan di Malaysia sepanjang masa mereka belajar di sini. Ada segolongan pelajar dari China yang mengikuti program ijazah separuh masa dan bekerja atau bermiaga sepenuh masa di tempat lain (Temubual: Pentadbir IPTS: 20 Mac 2003). Maka pelajar China memandang matapelajaran wajib sebagai suatu kelebihan berbanding sebahagian besar pelajar dari negara lain.

Reaksi pelajar Malaysia terhadap matapelajaran wajib pula pelbagai. Namun kebanyakannya sepakat bahawa kandungan matapelajaran Pengajian Malaysia

ⁱ Taraf Bahasa Kebangsaan (A) adalah sama dengan Bahasa Malaysia peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), manakala bahasa Kebangsaan (B) pula adalah bahagian pengenalan bahasa Malaysia.

adalah sama seperti matapelajaran sejarah peringkat menengah di sekolah aliran pendidikan kebangsaan. Bagi matapelajaran bahasa Kebangsaan (A) pula, hanya pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kredit dalam matapelajaran bahasa Malaysia peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diwajibkan untuk mengambilnya.

Pengajaran Bahasa Kebangsaan dan Pengajian Malaysia dapat dilihat sebagai sebahagian daripada dasar sosial kerajaan dalam usaha merapatkan jurang perbezaan di antara pelajar IPTA dan IPTS. Ini kerana IPTA menggunakan Bahasa Malaysia manakala sebahagian besar daripada IPTS pula menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. IPTA mewajibkan matapelajaran berbentuk ‘Kenegaraan’ dalam pengajian tahun pertamanya. Maka bagi memenuhi kekosongan ini di IPTS, pengajaran matapelajaran wajib dapat dirasionalkan. Namun begitu, pelajar-pelajar yang membuktikan bahawa mereka telah mengikuti kursus yang sukatannya sama dengan matapelajaran wajib akan dipertimbangkan pengecualian (Lembaga Akreditasi Negara, 2003).

IPTS menjadi pilihan kedua terbaik bagi sebahagian besar pelajar Malaysia. Pelajar yang samaada tidak berjaya melanjutkan pelajarannya ke maktab, politeknik ataupun IPTA memilih IPTS sebagai destinasi memenuhi impian pengajian tinggi. Pelajar yang gagal memperoleh kredit dalam matapelajaran Bahasa Melayu juga tidak akan dipertimbangkan permohonan mereka ke institut-institut tajaan kerajaan. Maka mewajibkan matapelajaran Bahasa Kebangsaan (A) di IPTS mendapat pelbagai maklumbalas. Dengan mewajibkan Bahasa Kebangsaan, timbul persoalan bahawa adakah

IPTS dapat memberikan peluang kedua kepada pelajar yang tidak mendapat peluang di tempat lain? Adakah ini selaras dengan wawasan negara untuk menghasilkan 40% penduduk Malaysia yang berpendidikan tinggi menjelang 2020?

Hasil pemantauan oleh kakitangan LAN di beberapa IPTS menunjukkan bahawa, kualiti pengajaran matapelajaran wajib tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh lembaga tersebut. Justeru itu pihak LAN telah mencadangkan supaya diadakan “centralised examination” bagi matapelajaran wajib ini (Teo, 2002). Berkaitan ini, timbul beberapa isu pengendalian operasi. Di antara persoalan yang timbul lanjutan daripada itu adalah, “di mana dan berapa kali peperiksaan akan diadakan?” Ini kerana IPTS mengadakan 3 hingga 4 pengambilan setahun dan institut yang berlainan pula mengadakan pengambilan pada masa-masa yang berlainan (Buku Panduan Kursus: APIIT: Stamford College: Inti College). Tambahan pula, jangkamasa yang diambil oleh LAN bagi pengumuman keputusan matapelajaran ini akan mempengaruhi enrolmen pelajar di IPTS. Adakah ini wajar dilakukan kerana, IPTS di Malaysia bergantung kepada yuran pelajar seperti yang dikatakan oleh Altbach (2001):

“In the Large majority of cases, institutions are financed by tuition payments from students. The central reality of most private institution is that tuition payment are the financial basis of the institution, and without them, survival would be impossible.”

Sebagai contoh, pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dari peringkat diploma ke ijazah perlu tunggu hingga keputusan matapelajaran wajib diumumkan. Diploma merupakan prasyarat bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dan pelajar wajib lulus matapelajaran wajib ini di peringkat diploma.

Isu 2: Penetapan Kriteria oleh Lembaga Akreditasi Negara bagi penganugerahan Sijil, Diploma dan Ijazah.

Sektor swasta telah membuat pelbagai inovasi dari segi kaedah penawaran program bagi peringkat diploma dan ijazah. Didapati bahawa, jenis diploma yang ditawarkan di IPTS Malaysia adalah pelbagai (Education Guide, 1996). Ianya termasuklah kursus diploma setahun hingga tiga tahun; diploma kolej tempatan (dalaman), diploma luar negara, ‘Validated’ dan ‘Non-validated’ diploma; ‘Advanced’ dan ‘Higher’ diploma; ‘Graduate’ dan ‘Post-graduate’ diploma.ⁱⁱ Begitu juga, kursus peringkat ijazah sarjana muda pula terdiri daripada program berkembar seperti 2+1, 1+2, 2+2, 2.5+0.5 dan 1.5+1.5; program franchise universiti asing (IPTLN) seperti program ijazah berkembar 3+0 dan 4+0; ‘Validated degree’, ‘Validated diploma’ untuk “3rd year degree program.ⁱⁱⁱ Mengikut Dr.Yahya Nordin, Pengurus Besar, Lembaga Akreditasi Negara:

“Judging from the number of creations and innovation, sometimes I wonder whether this is case of creativity to be desired or a case of creativity being stretched too far.” (Yahya Nordin, 2002)

Sebelum LAN menetapkan kriteria penganugerahan bagi sijil, diploma dan ijazah, IPTS mempunyai pelbagai kaedah tajuk (credential) penganugerahan yang bergantung kepada rakan kerjasamanya (Education Guide, 1990 & 1994). Pada amnya, penetapan bagi penganugerahan sebelum 1996 adalah seperti dalam jadual 4.

ⁱⁱ ‘Validation’ merujuk kepada kursus pengajian yang menerima akuan dari universiti asing terhadap kurikulum yang digubal oleh IPTS yang tarafnya diterima oleh universiti asing kerana memenuhi syarat yang ditetapkan olehnya.

ⁱⁱⁱ Program 1+2 dan 2+1 merujuk kepada pengajian yang sebahagiannya dikendalikan oleh IPTS manakala sebahagian lagi dikendalikan oleh universiti asing sebagai memenuhi syarat keperluan untuk penganugerahan. Program ini dikendalikan secara berkembar atau “Advanced standing programme” dengan sekumpulan universiti luar negara (Consortium of Universities).

Jadual 4

Peringkat Penganugerahan dan Jam Kredit Yang Diperuntukan Oleh Institut Pengajian Tinggi Swasta Sebelum Tahun 1996

Peringkat Panganugerahan	Jam Kredit Yang Diperlukan	Kelayakan Masuk
Sijil	40	-
Diploma	60 hingga 80	Sijil Pelajaran Malaysia/O-levels
Higher National Diploma(HND)/Graduate Diploma/Honours Diploma/Advance Diploma*	110 hingga 130	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia(SPM)/ University Foundation Program/ A-Levels

Sumber: Temubual: Pentadbir IPTS: Education Guide 1990 & 1994: Yahaya Ibrahim.

*Peringkat Diploma ini diiktiraf sebagai tahun 2 atau tahun 3 kursus ijazah program tertentu.

Daripada Jadual 5 jelas bahawa sebelum LAN menetapkan kriteria penganugerahan wujud penganugerahan Higher National Diploma (HND)/Graduate Diploma/Honours Diploma/Advance Diploma. Taraf Diploma ini setaraf dengan tahun pertama atau tahun kedua sesetengah ijazah dalam bidang komputer, perniagaan dan kejuruteraan dari sesetengah universiti di luar negara (Education Guide, 1994:Temubual:Pentadbir di Stamford College dan APIIT: Julai 2003).

Setelah penggubalan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996, kriteria jumlah jam kredit yang digariskan oleh LAN (termasuk matapelajaran wajib) adalah seperti dalam jadual 5.

Jadual 5

Peringkat Penganugerahan dan Jam Kredit Yang Diperuntukkan Bagi Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Yang Ditetapkan Oleh Lembaga Akreditasi Negara

Peringkat Penganugerahan	Jam Kredit Yang Diperlukan	Kelayakan Masuk
Sijil	50	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) dengan 2 kepujian dan lulus bahasa Malaysia peringkat SPM
Diploma	90	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) dengan kepujian/ Sijil yang setara dan lulus bahasa Malaysia peringkat SPM
Ijazah Sarjana Muda (Kursus bukan professional)	100	Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia(STPM) dengan dengan 3 prinsipal termasuk Pengajian Am/ University Foundation Program/ A-Level/Matrikulasi/Kelayakan lain yang setara dan lulus bahasa Malaysia peringkat SPM
Ijazah Sarjana Muda (Kursus professional)	110	

Sumber: Lembaga Akreditasi Negara, 2003

Perubahan ini menimbulkan beberapa persoalan sampingan. Pertamanya dari aspek rasionalnya akreditasi dilakukan bagi semua kursus termasuk kursus yang divalidasi oleh “Overseas Awarding Bodies”. Keduanya perubahan ini turut meninggalkan implikasi positif dan negatif terhadap pembangunan “home grown” program yang berkualiti.

Akreditasi Dan Pembangunan Kursus Tempatan Yang Berkualiti

Jadual 6

Beberapa Kursus Peringkat Diploma dan Diploma Lanjutan Yang Dikendalikan di IPTS Malaysia dan Kelayakannya Diiktiraf di Peringkat Antarabangsa.

Badan Penganugerah	Peringkat Kelayakan	Diiktiraf sebagai kelayakan masuk bagi kursus:
NCC Education:	Diploma in Computer Studies, Lulus	BSc CS/BA BIT/BA MM Tahun 1
	Diploma in Computer Studies, Kredit atau Kepujian	BSc CS/BA BIT/BA MM Year 1 + 4 Kredit
	Higher Diploma in Computer Studies, Lulus	BSc CS atau BA BIT Tahun 2
	Higher Diploma in Computer Studies, Kredit atau Kepujian	BSc CS atau BA BIT Tahun 3
	Graduate Diploma in Computer Studies	BSc CS Tahun 3 (Hons)
City and Guilds (C&G):	Diploma in Information Processing	BSc CS/BA BIT/BA MM Tahun 1
	Advanced Diploma in Information Processing	BSc CS Year 2
	Advanced Diploma in Business Information Technology	BA BIT Year 2
Association of Business Executives (ABE):	Certificate	BSc CS/BA BIT/BA MM Tahun 1
	Diploma	BA BIT Tahun 2 + 2 kredit
	Advanced Diploma	BA BIT Tahun 3 atau BA BIT Tahun 3 (Hons) dengan Business Transfer Programme

Sumber: Temubual dengan pentadbir IPTS

Panduan bagi singkatan yang digunakan dalam Jadual 6.

BSc CS	BSc Computer Science, BA Information Systems, and BSc Computing
BSc Comp Sys	BSc Computer Systems
BA MM	BA Multimedia Computing
BA BIT	BA Business Information Technology

Badan-badan ikhtisas dan profesional antarabangsa seperti Business and Technology Council (BTEC) menganjurkan Higher National Diploma (HND) dalam bidang perniagaan dan Teknologi Maklumat.

Diploma dan Higher Diploma asing diwajibkan untuk dikreditasi oleh LAN (Yahaya Ibrahim, 1999). Timbul persoalan apakah keperluannya untuk mengakreditasi diploma luar negara yang dikendalikan IPTS sejak sebelum penggubalan Akta Pendidikan Tinggi 1996. Sebahagian besar diploma luar negara di IPTS telahpun diiktiraf oleh "Overseas Awarding Bodies". Akreditasi juga bermaksud pertambahan kos dimana IPTS dikehendaki membayar RM9,500 sebagai yuran akreditasi (Jadual 7). Bagi kursus-kursus diploma luar negara yang baru pula, IPTS mesti mendapat pengiktirafan dari badan-badan professional yang berkaitan.

"It is also questioned the need to have recognition from professional bodies for technical programmes, arguing that the National Accreditation Board (NAB) was the body responsible for validation" (*The Star*, 15 Mac 2002).

LAN menggariskan beberapa kelebihan yang dinikmati oleh IPTS yang mengakreditasi kursus-kursusnya. Pelajar yang mengikuti kursus yang diakreditasi LAN diberi keutamaan pinjaman oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPN). Pelajar aliran sastera dan sains masing-masing diperuntukkan RM12,000 dan RM12,500 (*New Straits Times*, 18 April 1998). Di samping itu, diploma yang dikreditasi LAN juga akan dipertimbangkan untuk jawatan perkhidmatan awam. Seterusnya, pelajar yang memiliki diploma diakreditasi LAN juga akan dipertimbangkan sebagai kelayakan masuk ke IPTA. Namun, LAN juga tidak menafikan pengambilan pelajar di IPTA adalah budibicara IPTA masing-masing (Lembaga Akreditasi Negara, 2003).

Beberapa pentadbir IPTS berpendapat LAN lebih bertindak sebagai “regulatory body”. Suatu badan bebas seperti “Quality Assurance Agency (QAA)” perlu dibentukkan jika penggubal dasar benar-benar inginkan kualiti program dipertingkatkan. Walaupun begitu, cadangan QAA sendiri dilantik bagi menilai kualiti program di Malaysia mendapat pelbagai reaksi. Mengikut Dr.Peter Rowlinson, dari University of Newcastle yang juga merupakan ahli panel QAA menyatakan bahawa:

“There are two camps: the nervous camps: the confident camps. The nervous camp most of the time have every right to be because they are not providing quality education and producing quality students. The other camp welcomed QAA as they are confident of the quality they are providing.”(*The Star*, 6 Februari, 2001)

IPTS sebenarnya tiada apa yang perlu dirisaukan mengenai QAA kerana audit yang dijalankan badan seperti QAA bukanlah untuk mewujudkan suatu ‘League Table’ antara IPTS di Malaysia. Laporan kualiti boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki kelemahan dari segi “delivery of franchised programmes” di Malaysia. Pada hakikatnya, IPTS perlu bersikap pro-aktif dari segi amalan kualiti, bukannya mengharapkan suatu mekanisme luaran untuk menentukan hala tuju kualiti program.

Isu 3: Kursus Diploma IPTS Tempatan: Kandungan, Keaslian dan Kekuatan

Namun IPTS tempatan hanya diberi kebenaran untuk menganugerahkan hingga peringkat diploma sahaja. Umpamanya Stamford College boleh menganugerahkan “Stamford Diploma in Information Technology” tetapi bukannya “Stamford Higher Diploma in Information Technology”. Disebaliknya, Stamford College boleh

menawarkan kursus Diploma Lanjutan yang diakreditasi oleh BTEC dan seterusnya jam kredit tersebut diambilkira bagi pengajian ijazah tahun 2 bagi universiti asing yang dijalankan dengan kaedah berkembar mahupun kaedah pindahan jam kredit (Jadual 5).

Kursus Diploma Sains Komputer Kolej B yang diakreditasi LAN didapati mengandungi sukanan yang sama dengan program Diploma yang diiktiraf oleh BTEC dan NCC. Ini bertentangan dengan aspirasi untuk mewujudkan program ‘home grown’ yang bertaraf antarabangsa. Adakah ini bermakna IPTS hanya mementingkan ‘credential’ program Diploma dan ijazah tetapi menawarkan program berkualiti rendah. Kolej B menyatakan sememangnya kandungan kursus Diploma Komputer Sainsnya sama dengan yang ‘Validated Diploma’ kerana sukanan asasnya tidak dapat diubah. Malahan usaha membangunkan kursus komputernya sendiri memakan belanja yang tinggi. Tambahan pula sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia serta masyarakat pada amnya lebih mengutamakan pencapaian yang baik dalam peperiksaan rasmi seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pembelajaran yang berorientasikan penyelidikan (research oriented learning) harus diberi keutamaan. Ini penting bagi menghasilkan pelajar berfikiran kritis dan kreatif yang akan menyumbang pada rekacipta dan pembangunan. Walaupun demikian, Kolej B ada aspirasi bagi membangunkan programnya sendiri dalam bidang ‘Information Communication Technology’ yang mana 60% kandungan sukatannya adalah yang dibangunkan oleh Kolej B.

‘Higher Diploma’ sebenarnya bertujuan memindahkan sejumlah kredit terus ke tahun 1 atau 2 program ijazah (Jadual 6). Namun begitu, ada rasionalnya peringkat ‘Higher Diploma’ tempatan dikembangkan dan diwajibkan untuk melalui proses

akreditasi LAN. Ini sebagai langkah pertama bagi merealisasikan wawasan untuk membangunkan program tempatan yang berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa.

Sebahagian besar daripada bekas politeknik di UK telahpun membangunkan program peringkat diploma untuk dieksport sebelum mendapat taraf universiti (New Universities) pada tahun 1992. Langkah membangunkan peringkat diploma adalah wajar memandangkan sebahagian dari IPTS sudahpun mula berpindah ke kampus yang lebih besar dan lengkap insfrastukturnya semata-mata untuk memperolehi taraf universiti. Kolej APIIT telahpun ada kampusnya sendiri yang serba lengkap di Technology Park Malaysia. University College of Sedaya International (Sedaya College) sudahpun beroperasi di kampusnya yang terletak di Cheras, Kuala Lumpur. Ini bermakna IPTS yang memperolehi taraf universiti akan mempunyai kuasa penuh penganugerahan ijazah dan tidak tertakluk kepada akreditasi dalam atau luar negara.

Mengikut Presiden MAPCU, Tengku Shamsul Bahrin (2002),

“With the liberalization of the policies on private colleges conducting full undergraduate courses, all private colleges tend to be more in the direction of providing full undergraduate courses. A problem with the type of diplomas currently offered by private colleges is that they place more emphasis on progression to degree qualifications than the skill sets.”

LAN telah menetapkan keperluan jumlah kredit bagi peringkat penganugerahan Sijil, Diploma dan ijazah (Jadual 5). Kolej B menambahkan subjek-subjek barunya tersendiri bagi memenuhi syarat jumlah masa kredit yang ditetapkan oleh LAN bagi penganugerahan Diplomanya. Bagi memenuhi 90 jam kredit yang ditetapkan LAN Kolej B memperkenalkan subjek baru bagi kursus “Diploma in Information Technology” iaitu

“Kolej B Technical English”, dan “Kolej B Spoken English” (Temubual: Pensyarah Kolej B: 10 Jun 2003). Di kolej C pula bagi kursus ‘Kolej C Diploma in Computer Studies’ dan ‘Diploma in Business Information Technology’ pula, ‘Kolej C Business Communication’ dan ‘Professional Issues’ ditambah dalam sukanan (Temubual: Pensyarah Kolej C: 11 Jun 2003). Samaada pengenalan subjek-subjek baru ini adalah usaha murni membangunkan produk tempatan atau hanya setakat memenuhi syarat LAN boleh dipertikaikan.

Seterusnya dari segi peruntukan kredit pula, IPTS telah memperuntukkan 40 jam kredit bagi “University Foundation Program”. Namun begitu, didapati bahawa 40 jam kredit tersebut tidak diambilkira sebagai jam kredit bagi penganugerahan Diploma mahupun ijazah (Jadual 4). Maka masa antara enam bulan hingga setahun yang diperuntukkan bagi “Universiti Foundation Programme” dilihat sebagai pembaziran jika tidak diambilkira jam kreditnya bagi penganugerahan Diploma atau ijazah.

Walaupun demikian, “University Foundation Programme” yang memberi asas bagi kursus yang pelajar membuat pengkhususan bagi peringkat Diploma harus dipertimbangkan kreditnya (Temubual: Pentadbir: Stamford College: 5 Mac 2003). Program peringkat asas ini perlu dibangunkan terutamanya bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang keputusannya tidak menepati tahap minimum yang diperlukan bagi program peringkat Diploma. Peringkat “University Foundation Programme” ini juga boleh dipertimbangkan untuk membaiki penguasaan bahasa Inggeris pelajar yang bercadang melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan kaedah

berkembar atau “Advanced standing programme”. Lebih-lebih lagi, adanya laporan yang menunjukkan tahap bahasa Inggeris pelajar Diploma yang dihantar ke luar negara adalah kurang memuaskan (QAA, 2003).

Jika “University Foundation Programme” ini diwajibkan, maka pelajar perlu melalui satu lagi peringkat sebelum mengikuti kursus peringkat Diploma. Suatu isu yang bakal timbul ialah inovasi dan kepelbagaian kaedah di IPTS ini, adakah sebenarnya ke arah “in the pursuit of knowledge and truth” atau semata-mata untuk mengaut keuntungan dengan menjual produknya. Pertambahan peringkat kursus (study level) serta kepelbagaian kursus (seperti Higher Diploma, Advance Diploma dan Validated Diploma) juga bermakna peningkatan pendapatan bagi IPTS dengan kepelbagaian produk-produk yang baru ini.

“Private institutions seek to fit into the academic system of a nation because their survival depends on being able to attract students and offering “products” that are attractive and appropriate” (Altbach, 2001).

Tindakan mengkategorikan peringkat penganugerahan kepada Sijil, Diploma dan ijazah sememangnya tidak mendapat sambutan sesetengah IPTS. LAN telah membentuk satu bentuk sistem penilaian yang standard, iaitu semua IPTS digalakkan menggunakan jam kredit (Lembaga Akreditasi Negara, 2003).

Penetapan jam kredit dan klasifikasi kursus (Sijil, Diploma dan ijazah) dianggap ketinggalan zaman. Ini kerana ia menghadkan kepelbagaian peringkat anugerah seperti higher diploma, graduate diploma dan advance diploma. Ini seolah-olah sistem IPTS

disamakan seperti di sebahagian besar IPTA yang menggunakan jam kredit. Perbandingan taraf (benchmarking) IPTS dengan IPTA yang mirip sistem pendidikan British adalah tidak wajar (Yahya Ibrahim, 2001). Sebahagian besar ahli panel LAN terdiri dari bekas akademik dan IPTA (*New Straits Times* 5 Mei 1998).

Didapati bahawa, kaedah kursus dan system penilaian pelajar yang di UK yang dianggap konservatif telah banyak berubah. Mengikut Colin Gordon, Pengarah International Development dan Pensyarah Kanan di European Management of Cranfield University:

“Britain has a diverse education system. Research intensive universities; classical academic or vocational and technical intensive university colleges; vibrant multi-campus city universities or sprawling; green campus universities; small, intimate classes or big lecture halls; focused degree programmes or American-style, flexible, joint degrees....”(*The Star* 28 Januari 2001).

Namun tindakan LAN ini dianggap wajar oleh sesetengah pihak terutamanya bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pelajar mahupun majikan. Pengalaman LAN menunjukkan Institut Pengajian Tinggi Swasta yang menjalankan program franchise kurang minat untuk membangunkan kursus sendiri. Malaysia seolah-olah menjadi “dumping ground” untuk semua kursus asing.

“Since LAN has been established to be the ‘SIRIM’ in higher education and is also a member of the International Network on Quality Assurance, it is only proper that it should be capitalized by the PHEIs to promote quality indigenous program ala-Malaysia” (Mohd Yahya Nordin, 2002).

Isu 4: Sumber Kewangan, Kos Pengendalian dan Cabaran Kualiti

Walaupun IPTA dan IPTS mempunyai banyak persamaan tetapi salah satu perbezaan yang utama ialah sumber kewangannya. Berbeza dengan sesetengah universiti asing yang sebahagian besar sumber pendapatannya adalah berbentuk “research grant”, di Malaysia IPTS merupakan entiti swasta yang bergantung kepada yuran pelajar sebagai sumber kewangan utama.

Dr Ariff Kasim, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Swasta, turut menjelaskan,

“Private higher education institutes offer similar courses which compete each other against each other because they are market-driven. They depend mainly on students fees and are highly dependent on student enrolment. They tend to offer courses which can be taught with a minimum number of staff and other supporting facilities and services.”
(New Straits Times 24 Mac 1998, m.s.6)

Mengikut Dato’ Teo Chiang Liang (2002), Setiausaha Agung MAPCO, Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 juga merupakan suatu mekanisme bagi menetap dan mengawal yuran pelajar yang dikenakan oleh IPTS. Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 mensyaratkan bahawa sebarang kenaikan dalam yuran mestilah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan. Sebarang kenaikan yuran hanyalah boleh dikajisemula bagi setiap tiga tahun. Kenaikan maksimum yuran pula ditetapkan sebanyak 20% jika perlu, bagi setiap tiga tahun (Lembaga Akreditasi Negara). Bagi Malaysian Association for Private Colleges (MAPCO), peraturan ini tidak memberi

justifikasi kos-kos lain seperti yuran LAN, bayaran permohonan pengendalian oleh Jabatan Pendidikan Swasta dan sumbangan wajib IPTS kepada Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).

Bilangan IPTS bertaraf bukan universiti telah meningkat dari 280 pada tahun 1995 menjadi 690 menjelang tahun 2002 dalam masa yang sama enrolmen pelajarnya turut meningkat dari 127,596 menjadi 243,844 (Lampiran 2). Persaingan yang wujud serta modal yang tinggi bagi infrastuktur IPTS melibatkan kos pembinaan dan operasi yang tinggi.

“It is not uncommon to wait for at least 10 years to breakeven for the large colleges with purpose built campuses” (Teo, 2002).

Industri pendidikan swasta di Malaysia yang penuh dengan peristiwa luar jangkaan turut menyukarkan IPTS membuat perancangan masa depan (Temubual Pentadbir IPTS: 5 Mac 2003). Antara perkara-perkara luar jangkaan yang memberi kesan terhadap enrolmen di IPTS termasuk:

- i) pengumuman Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan bilangan pengambilan pelajar Tingkatan 6. Ini bermakna pelajar yang tamat Tingkatan 5 mempunyai peluang yang cerah untuk memasuki tingkatan enam. Tambahan pula, kelayakan minimum bagi memasuki tingkatan turut dilongkarkan iaitu hanya perlukan 3 kredit dalam mata pelajaran termasuk bahasa Malaysia (*Berita Harian*, Mac 2003). Secara langsung, enrolmen pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan berkurangan di IPTS. Ini bermakna enrolmen di peringkat Sijil dan Diploma akan merosot;
- ii) LAN mengatakan kursus kepada tiga peringkat iaitu Sijil, Diploma dan ijazah sarjana muda. Keengganan LAN mengiktiraf dan mengakreditasi “Higher Diploma” turut memberi kesan terhadap enrolmen